

Lampiran 5: Surat Rasmi MABOPA Kepada MyIPO Berkenaan Penubuhan Collective Management Organisation In Literature (CMO) Di Malaysia.



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7880 5840 Fax: 603-7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : Mabopa/2014/cmo
Tarikh : 15 Oktober 2014

Encik Mohamed Fairuz Mohd Pilus
Pengarah
Bahagian Hakcipta
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Aras 18, Menara B, Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

Assalamualaikum Wrt Brt.

Tuan,

**PENUBUHAN COLLECTIVE MANAGEMENT ORGANISATION IN LITERATURE (CMO)
DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) ingin memaklumkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bahawa persatuan amat berminat untuk menujuhkan *Collective Management Organisation (CMO) in Literature* di Malaysia.
3. Untuk makluman Tuan, pihak persatuan sedang mengumpulkan maklumat dan mengkaji model perniagaan yang terbaik untuk dalam merangka perlembagaan CMO ini. Kami berharap dapat menghantar kertas cadangan perlembagaan ini setelah menilai input dari *International Federation of Reproduction Rights Organisations (IFFRO)* dan *Japan Reproduction Rights Center (JRRC)*.
4. Persatuan berharap pihak Tuan dapat mengambil maklum tentang perkara ini dan mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar,

(NUR HUSNUL IZZA MUSA)

Pem. Eksekutif Pentadbiran
b.p. ROZIDA ISMAIL
Pengerusi
Biro Hakcipta & Undang-undang